

BULETIN

APRIL - JUN
2022

EDISI 02

BANDAR RAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA MBSJ MERIAH

**MBSJ BANTU 1,099
USAHAWAN MIKRO
MELALUI PLATS 3.0**

**EDISI
PERCUMA**

**MBOR IKTIRAF
MBSJ PBT PERTAMA
TERIMA PERSIJILAN
MS1900:2004**



**THE
MALAYSIA
BOOK
of
RECORDS**



ISI KANDUNGAN

APRIL • MEI • JUN • 2022

SIDANG REDAKSI

PENAUANG:

YBhg. Dato' Johary bin Anuar D.P.M.S.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin

PEREKA GRAFIK:

Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosli
Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman

ZIARAH KASIH RAMADAN BANTU CERIAKAN GOLONGAN ASNAF	3	MBSJ TERIMA LAWATAN PANEL PENILAI PROGRAM AUDIT AKSESIBILITI KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA	16
ERAT HUBUNGAN MELALUI PROGRAM IHYA RAMADAN MBSJ BERSAMA RAKAN MEDIA 2022	4	MAJLIS PERASMIAN RIO CITY INTERCHANGE DI BANDAR PUTERI, PUCHONG	16
MBOR IKTIRAF MBSJ PBT PERTAMA TERIMA PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH MS1900:2004	5	MBSJ BINA LALUAN BARU BAGI MENYURAIKAN KESEKASAN DI JALAN PIPIT, PUCHONG	17
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA MBSJ MERIAH	6	KEMPEN BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSJ DI APLIKASI SHOPEE	17
RUMAH TERBUKA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH PETALING DI PADANG AWAM PUCHONG INDAH PUCHONG	8	MBSJ KELUAR 7 NOTIS TAWARAN KOMPAUN SERTA 13 PATI DITAHAN DALAM OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN SELANGOR	18
MBSJ BANTU 1,099 USAHAWAN MIKRO MELALUI PLATS 3.0	9	MBSJ LAKSANA OPERASI BERSEPADU BERSAMA KPDNHEP	18
e-KUPON MANSUH PENGGUNAAN KUPON PARKIR KERTAS GORES DI NEGERI SELANGOR	9	KEGAGALAN BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) MEMBAWA PADAH	19
20,000 BENIH IKAN PULIH EKOSISTEM DI TAMAN REKREASI WAWASAN PUCHONG	10	MBSJ DAN PDRM SERBU PUSAT HIBURAN	19
MBSJ ATASI MASALAH JALAN BERLUBANG DI TAMAN PUNCAK JALIL	10	DATUK BANDAR PERKENAL LAMAN WOODBALL KEPADA KOMUNITI	20
MBSJ SEDIA TAMAN PERMAINAN INKLUSIF	11	MBSJ AMBIL TINDAKAN TEGAS TANGANI PELANGGARAN UNDANG-UNDANG	21
USAHA MBSJ CEGAH PENYAKIT BERJANGKIT BAWAAN MAKANAN DAN AIR	12	MISI BANTUAN PEMBERSIHAN PASCA BANJIR HULU SELANGOR	21
TINGKAT KESEDARAN KESIHATAN MENTAL	12	WORLD URBAN FORUM (WUF) 11, DI KATOWICE, POLAND 26 HINGGA 30 JUN 2022	22
MBSJ SIAP SIAGA HADAPI PERUBAHAN MONSUN	13		
WARNA-WARNI KOMUNITI	14		





Ziarah Kasih Ramadan

BANTU CERIAKAN GOLONGAN ASNAF



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS), Kumpulan Theta Edge Berhad dan PUSPANITA MBSJ telah mengadakan Program Ziarah Kasih Ramadan Tahun 2022 pada 14 April 2022 yang lalu bertempat di Kampung Tengah, Puchong.

Di dalam program ini, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama Encik Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini,

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor, Puan Hamizun binti Mohd Basar, Ketua Komunikasi Strategik Kumpulan Theta Edge Berhad serta PUSPANITA MBSJ telah berbesar hati menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada 12 penerima melibatkan 6 keluarga dari Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 6 dan MPP Zon 12.



Turut menerima bantuan adalah penerima zakat yang menghidap penyakit kepala besar, Norli Asma Zulhaimi yang terlanter dengan kehidupan seharian bergantung sepenuhnya kepada ibunya, Norhayati Said.

Bantuan yang disampaikan menerusi program ini diharapkan dapat membantu

meringankan beban keluarga terlibat dalam menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



Ihya' Ramadan

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Bersama

RAKAN MEDIA TAHUN 2022

25 April 2022 (Isnin) | Sunway Resort Hotel & Spa

Erat Hubungan Melalui Program Ihya Ramadan MBSJ

BERSAMA RAKAN MEDIA 2022



MBSJ telah menganjurkan Program Ihya Ramadan MBSJ bersama Rakan Media 2022 pada 26 April 2022 yang lalu bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa, Bandar Sunway, Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dan penganjur majlis ini merupakan inisiatif MBSJ untuk meraikan dan menghargai jasa yang telah disumbangkan pihak media kepada MBSJ dalam memberikan publisiti dan hebahan positif ke atas setiap aktiviti atau program yang dilaksanakan MBSJ.



Di dalam majlis yang sama juga, MBSJ turut menyantuni 20 anak yatim Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong dengan memberi sumbangan Aidilfitri dari syarikat Best Marketing & Distribution Sdn. Bhd. berjumlah RM2,000.00. Mereka juga turut menerima sumbangan produk minuman bernilai RM1,000.00 dari Syarikat Marigold Food Services serta wang tunai hasil derma persendirian warga kerja MBSJ.

Adalah diharapkan sumbangan ini dapat memberikan keceriaan buat mereka di dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri pada tahun ini.



THE
MALAYSIA
BOOK
of RECORDS®

SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH (SPKBS) MS1900:2014

MBSJ terus mengekalkan momentum kecemerlangannya apabila menjadi Pihak Berkuasa Tempatan **PERTAMA** yang diiktiraf *The Malaysia Book of Records* (MBR) bagi Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (SPKBS) pada 20 Jun 2022 yang lalu. Sijil telah disampaikan oleh Encik Jwan Heah, *Chief Marketing Officer of The Malaysia Book of Records*.

Kejayaan ini dicapai selepas MBSJ melepasi 9 skop pensijilan meliputi bayaran, belanjawan, akaun, pinjaman, perolehan, kaunter, kumpulan wang amanah, pelaburan serta terimaan dan bukan hasil.

MBSJ akan terus komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada standard yang tinggi dan berkualiti sekaligus memastikan sistem pengurusan kewangan MBSJ di tahap yang terbaik.





MAJLIS SAMPULAN HARI AIDILFITRI

13 MEI 2022





SAMBUTAN RAYA MBSJ MERIAH

IBU PEJABAT MBSJ



Peringkat Daerah Petaling di Padang Awam Puchong Indah, Puchong



MBSJ BANTU 1,099 USAHAWAN MIKRO

MELALUI PLATS 3.0

Program Pemerkasaan Penjaja melalui Inisiatif Platform Selangor (PLATS) telah berjaya membantu lebih 1,099 usahawan mikro di pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam usaha menjana pendapatan lebih tinggi.

Perkara ini telah dinyatakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ semasa Majlis Pelancaran PLATS 3.0 di Bazar Ramadan Bandar Kinrara 5 yang telah dirasmikan oleh Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 8 April 2022 yang lalu.

Melalui PLATS 3.0, ianya bukan sahaja memberi impak yang baik malah turut membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada peniaga bagi mempromosikan jenama produk masing-masing.

Seterusnya, di dalam majlis yang sama, MBSJ turut melancarkan Kempen Bawa Bekas Sendiri

MBSJ 2022 dengan ganjaran baucar belian bernilai RM5.00 kepada 2,000 pengunjung yang membawa bekas sendiri ketika berkunjung ke bazar Ramadan di kawasan MBSJ.

Pada kesempatan ini juga, Dato' Menteri Besar Selangor bersama tetamu kehormat turut melawat Bazar Ramadan Bandar Kinrara 5 bagi meninjau pengoperasian bazar serta membeli juadah berbuka puasa.

Pada tahun ini, sebanyak 16 lokasi bazar telah dibuka dalam pentadbiran MBSJ dengan jumlah 1,251 petak jalan ditawarkan. MBSJ juga turut menggalakkan masyarakat membudayakan kempen bebas polisterina dan penyedut minuman plastik, kitar semula minyak masak serta kempen pembayaran tanpa tunai, semasa pengoperasian bazar Ramadan pada tahun ini.



e-Kupon

Mansuh Penggunaan Kupon Parkir Kertas Gores di Negeri Selangor



Bermula 1 April 2022, Kerajaan Negeri Selangor telah memansuhkan penggunaan kupon parkir kertas gores dan ianya telah digantikan dengan penggunaan e-Kupon melalui aplikasi *Smart Selangor Parking* (SSP) yang boleh dimuat turun di aplikasi App Store atau Google Play Store.

Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah mendigitalisasikan perkhidmatan serta memberi kemudahan kepada orang ramai. Kerajaan Negeri Selangor telah melantik 100 kedai serbaneka sebagai ejen bagi menjamin kelancaran pelaksanaan e-Kupon tersebut serta membantu masyarakat mendaftar dan membayar kupon parkir.

KK Super Mart merupakan salah satu ejen yang telah dilantik dan Majlis Pelancaran KK Super Mart sebagai ejen e-Kupon telah berlangsung pada 1 April 2022 yang lalu. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam. Turut hadir di dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya, Dr. KK Chai, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Syarikat KK serta YBrs. Dr.

Mohammad Fahmi bin Ngah, Pengarah Urusan SSDU Innovations Sdn. Bhd..

Sebagai makluman, sehingga Februari 2022, sebanyak 2 juta pengguna sudah memuat turun aplikasi SSP sejak ianya dilancarkan pada tahun 2019 dan adalah diharapkan melalui alternatif penggunaan aplikasi pintar ini dapat memberikan fasiliti yang mesra pengguna, memudahkan transaksi pembayaran serta menyokong Selangor sebagai negeri pintar (Smart State) di rantau Asia Tenggara menjelang 2025.



20,000

BENIH IKAN PULIH EKOSISTEM DI TAMAN REKREASI WAWASAN PUCHONG

MBSJ sentiasa komited di dalam usaha melestarikan alam sekitar. Justeru itu, MBSJ amat berbesar hati bersama-sama menyokong usaha Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam melestarikan Sumber Perikanan Darat.

Pada 17 Mei 2022 yang lalu, sebanyak 20,000 benih anak ikan Lampam Sungai telah dilepaskan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan



Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru bersama YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ di Tasik Taman Rekreasi Wawasan Puchong.

Program ini diadakan bagi memberi kesedaran pada masyarakat mengenai kepentingan menternak ikan asli berbanding ikan import atau haiwan lain yang berisiko merosakkan ekosistem kehidupan air.



Justeru itu, MBSJ menyeru orang ramai untuk sama-sama menyokong usaha yang dijalankan ini agar dapat memelihara alam sekitar demi kelestarian bumi di masa depan.



MBSJ ATASI MASALAH JALAN BERLUBANG DI TAMAN PUNCAK JALIL

Prihatin dengan rintihan penduduk di sekitar Jalan Persiaran Puncak Jalil yang tidak rata serta berlubang berikutan daripada kerja-kerja pemasangan paip air bagi Projek Langat 2, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengambil tindakan segera

bagi menyelesaikan masalah tersebut.


YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah turun padang meninjau sendiri tahap kerosakan jalan tersebut pada 6 April 2022 yang lalu dan telah mengarahkan kontraktor

melaksanakan pembaikan segera mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MBSJ.

Justeru itu, pihak kontraktor telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan di antara kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan merangkumi kerja-kerja penurapan jalan,

pembinaan semula 'Island Curb', pembaikan 'kerb' dan pembaikan 'scupper drain'.

Kerja-kerja pembaikan tersebut telah diselesaikan pada 7 April 2022 yang lalu oleh kontraktor Syarikat Suhati Sdn. Bhd..



MBSJ SEDIA TAMAN PERMAINAN INKLUSIF

Bagi memastikan semua kanak-kanak termasuk yang kurang upaya dapat menggunakan kemudahan di taman dengan sebaiknya, MBSJ telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan tiga taman permainan inklusif iaitu di Taman Awam USJ 11/5, Taman Awam Jalan PP 22, pingiran Putra dan juga di Taman Awam Jalan Tempua 9, Puchong Jaya, Selangor melibatkan kos berjumlah RM180,000.00.

Majlis perasmian taman permainan inklusif telah berlangsung di Taman Awam USJ 11/5 pada 21 April 2022 dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ. Ianya juga dilaksanakan bersempena dengan sambutan Hari Autisme Sedunia peringkat MBSJ 2022. Turut hadir ialah YB Wong Chen, Ahli Parlimen Subang (P104).



Pembinaan taman inklusif ini merupakan komitmen MBSJ bagi mendukung Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 3 – Good Health & Well-Being) serta (SDG 11: Cities & Communities) serta merupakan salah satu aktiviti di dalam Pelan Tindakan Bandar Hijau Mesra Wanita MBSJ 2019 – 2021.

MBSJ akan meneruskan usaha murni ini dan bercadang untuk menambah dua lagi taman permainan inklusif untuk tahun ini iaitu di sekitar kawasan Puchong dan Seri Kembangan.

USAHA MBSJ

CEGAH PENYAKIT BERJANGKIT

MBSJ dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ Zon 7 telah menganjurkan Program Bulan Kesedaran Kesihatan Penyakit Berjangkit Bawaan Makanan & Air MBSJ 2022 pada 16 April 2022 yang lalu bertempat di Balai Masyarakat Putra Heights, Subang Jaya, Selangor.

Program ini dilaksanakan dengan matlamat memupuk kesedaran kebersihan di kalangan penduduk serta mencegah penyakit

berjangkit bawaan makanan dan air. Terdapat pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti sesi taklimat mengenai penyakit bawaan makanan dan air, undang-undang yang digunakan serta pameran kesihatan.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Ganabirau A/L Veraman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio Ekonomi, Kebajikan Masyarakat dan Pemberdayaan Pekerja Negeri Selangor.



TINGKAT KESEDARAN KESIHATAN MENTAL



Kesihatan mental merupakan salah satu elemen penting di dalam memastikan kesejahteraan hidup manusia. Demi memberi kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Bulan Kesedaran Kesihatan Mental MBSJ 2022 pada 11 Jun 2022 yang lalu bertempat di Palazzo Mall, USJ 19, Subang Jaya.

Bertemakan "Kesihatan Mental dan Generasi Baru", pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya Taklimat Kesedaran Kesihatan Mental di Kalangan

Kanak-Kanak dan Remaja oleh Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Kuala Lumpur dan juga Taklimat Kesedaran Mental Ibu Bapa dan Penjaga

oleh Pusat Kaunseling Selangor.

Selain itu juga, turut diadakan pemeriksaan kesihatan percuma kepada pengunjung, pameran

kesedaran mental, pertandingan mewarna dan kaunter permohonan atau pembaharuan lesen anjing.

Diharapkan melalui penganjuran program ini dapat membantu individu yang memerlukan sokongan dalam menangani isu kesihatan mental dan pihak MBSJ akan terus mempergiatkan aktiviti kesihatan awam bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dan peringkat umur mendapat manfaat daripada program yang dijalankan bersesuaian dengan matlamat bandaraya iaitu (leave no one behind).



MBSJ SIAP SIAGA HADAPI PERUBAHAN MONSUN

Data daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menunjukkan Negara berada pada Fasa Peralihan Monsun yang telah bermula pada 14 Mac 2022 dan dijangka berterusan sehingga pertengahan bulan Mei 2022.

Ketika Fasa Peralihan Monsun ini, kita akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang akan menyebabkan kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa singkat pada waktu petang dan awal malam.

MBSJ telah meningkatkan tahap siap siaga dalam menghadapi fasa perubahan monsun seperti berikut:

- Talian Pusat Kawalan MBSJ (Command Centre) beroperasi pada setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 malam termasuk hari minggu dan cuti umum bagi menerima sebarang maklumat dan panggilan berkaitan kecemasan dan bencana;
- Meletakkan Pasukan Pantas di dalam keadaan siap siaga pada sebilang masa termasuk aset-aset bantuan kecemasan dan bencana;
- Memastikan sistem saluran terutamanya di kawasan *hot spot* banjir diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- Memastikan jaringan komunikasi dengan wakil penduduk di kawasan *hot spot* bencana dikemaskini bagi memudahkan penyaluran amaran awal bencana kepada komuniti bagi mengurangkan tahap risiko kerosakan harta benda sekiranya bencana berlaku.



Sebarang aduan atau kecemasan boleh disalurkan kepada:

**PUSAT PANGGILAN
DAN KAWALAN MBSJ
(COMMAND CENTER)**

di talian

03 - 8024 7700

**TALIAN BEROPERASI SETIAP HARI
DARI JAM 8.00 PAGI HINGGA 10.30 MALAM**



WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN APRIL – JUN 2022

April

MPP
ZON 2



02 April 2022 (Sabtu)
Edaran Kurma di IPD Subang Jaya
IPD Subang Jaya USJ 8

MPP
ZON 3



01 April 2022 (Jumaat)
Program Back To School
Court 4 & Court 6

MPP
ZON 8



03 April 2022 (Ahad)
Hydroponic
Balai Masyarakat Puchong Jaya

MPP
ZON 14



08 April 2022 (Jumaat)
Program Klinik Bergerak
Balai Masyarakat MPP Zon 14

MPP
ZON 4



13 April 2022 (Rabu)
Pelancaran Kempen Bawa Bekas Sendiri Ke Bazar Ramadan
Bazar Ramadan USJ 4

Mei

MPP
ZON 10



15 Mei 2022 (Ahad)
Program Gotong Royong
Balai Masyarakat Puchong Jaya

MPP
ZON 16



15 Mei 2022 (Ahad)
Gotong Royong Menghias Kabin (Raya Decoration)
Kabin MPP 16

MPP
ZON 24



14 Mei 2022 (Sabtu)
Program Semaian Biji Benih Sayur-Sayuran Pangsapuri Angkat
Pangsapuri Cempaka Belimbing

MPP
ZON 12



27 Mei 2022 (Jumaat)
Majlis Rumah Terbuka MPP Zon 12
Balai Masyarakat MPP ZON 12

MPP
ZON 22



29 Mei 2022 (Ahad)
Program Serahan Aerosol Dan Abate Kepada Penduduk MPP Zon 22
Kantan Court Jalan Bukit Serdang

Jun

MPP
ZON 20



04 Jun 2022 (Sabtu)
Program Gotong Royong
Pangsapuri Seri Serdang

MPP
ZON 17



18 Jun 2022 (Sabtu)
Bengkel Cara Membaiki Telefon Bimbit
Balai MPKK Kg. Batu 14 Puchong

MPP
ZON 2



18 Jun 2022 (Sabtu)
Program Sumbangan Kembali Ke Sekolah MBSJ
Balai Masyarakat PJS 7/5 Bandar Sunway

MPP
ZON 8



18 Jun 2022 (Sabtu)
Program Kebun Komuniti Zon 8
Kebun Komuniti MPP 8

MPP
ZON 24



25 Jun 2022 (Sabtu)
Program Mesra Dan Santuni Oku
Flat Taman Sg. Besi Indah 2

MBSJ TERIMA LAWATAN PANEL PENILAI PROGRAM AUDIT AKSESIBILITI KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Tanggal 19 Mei 2022 yang lalu, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima kunjungan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi pelaksanaan Program Audit Aksesibiliti Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Ibu Pejabat MBSJ.



Audit ini melibatkan 6 panel dan diketuai oleh Tuan Ir. Hilmi bin Mat Tahir, Ketua Auditor, Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam KPKT. Sesi Auditan telah dijalankan di Ibu Pejabat MBSJ, Dewan Serbaguna Harmoni MBSJ, Putra Heights dan Hutan Bandar MBSJ, USJ 3, Subang Jaya.

MBSJ sentiasa komited dalam usaha menyediakan kemudahan dan bentuk persekitaran yang inklusif bagi semua golongan audit aksesibiliti ini dijalankan bertujuan untuk menilai kebolehgunaan dan tahap keselamatan kemudahan infrastruktur OKU.

MAJLIS PERASMIAN RIO CITY INTERCHANGE DI BANDAR PUTERI, PUCHONG

Majlis Perasmian "Rio City Interchange" di Bandar Puteri, Puchong telah berlangsung pada 27 Mei 2022 yang lalu dan ianya telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Turut hadir, YBrs. Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Dato' Voon Tim Yow, CEO IOI Properties, Mr. Teh Chin Guan, COO IOI Properties Group serta Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBSJ.

Projek naiktaraf infrastruktur ini telah melibatkan Lebuhraya Puteri dan Persiaran Puteri. Semoga inisiatif ini akan dapat

menambahbaik aliran trafik di samping meningkatkan rangkaian perhubungan jalan raya yang cekap.

Kos Projek Pembangunan:
RM90 juta

Pemaju:
IOI Properties Group Berhad

Status Projek:
2.35 KM laluan pertukaran Bandar Rio siap dibina pada bulan April



MBSJ BINA LALUAN BARU

BAGI MENYURAIKAN KESESAKAN DI JALAN PIPIT, PUCHONG



Prihatin dengan keluhan rakyat berhubung isu kesesakan lalu lintas di Jalan Pipit, Puchong, MBSJ telah merangka 2 pelan tindakan iaitu pelan jangka masa pendek dan juga pelan jangka masa Panjang.

Bagi Pelan Jangka Masa Pendek, MBSJ akan menaik taraf persimpangan di antara Jalan Pipit dengan Jalan Merbuk. Kerja-kerja menaiktaraf ini melibatkan penukaran 2 persimpangan lampu isyarat kepada 1 persimpangan lampu isyarat (staggered cross junction) melibatkan pembinaan

laluan baru termasuk perabot lalu lintas serta kerja-kerja pengalihan dan penggantian sistem lampu isyarat yang akan bermula pada bulan Jun 2022 yang menelan belanja sebanyak RM400,000.00.

Seterusnya, bagi penyelesaian jangka panjang, satu jalan sambung yang akan menghubungkan jalan dari Jalan Bandar Puchong Jaya ke Jalan Tiong akan dibina bagi memberi laluan alternatif kenderaan dari Bukit Tandang untuk keluar masuk selain melalui Jalan Pipit. Pembinaan jalan alternatif



ini akan mengambil tempoh selama 2 tahun bermula dari tarikh permulaan projek dan menelan belanja sekitar RM30 juta.

Pihak Majlis sedang di peringkat akhir menyediakan rekabentuk jalan, sistem saliran, lampu

jalan dan lampu isyarat serta pengukuhan cerun sejajar dengan keadaan di tapak.

Dengan pelaksanaan kedua-dua projek ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah kesesakan teruk yang berlaku di kawasan tersebut.



KEMPEN BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSJ DI APLIKASI SHOPEE

Sebagai salah satu usaha ke arah meningkatkan kutipan hasil dan membudayakan pembayaran tanpa tunai, pihak Majlis telah meneruskan kerjasama berkolaborasi dengan pihak Shopee untuk kempen bayar Cukai Taksiran MBSJ di Aplikasi Shopee yang akan bermula daripada 1 Jun 2022 sehingga 31 Ogos 2022.

Pelanggan yang membuat pembayaran Cukai Taksiran MBSJ melalui Aplikasi Shopee akan menikmati baucer diskaun sebanyak

20% daripada jumlah bayaran cukai taksiran dengan nilai maksimum baucer diskaun adalah RM5.00. Setiap pelanggan Shopee hanya layak menebus sekali baucer diskaun sahaja sepanjang tempoh kempen.

Pelanggan yang berjaya menerima baucer diskaun perlu membuat penebusan terlebih dahulu sebelum membuat bayaran cukai taksiran di Shopee.

MBSJ KELUAR 7 NOTIS TAWARAN KOMPAUN SERTA 13 PATI DITAHAN DALAM OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN SELANGOR

MBSJ bersama Jabatan Imigresen Selangor telah mengadakan operasi bersepadu di sekitar Pangsapuri Angsana, USJ 1 pada 15 Jun 2022.

Di dalam operasi tersebut, seramai 61 anggota dari Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan yang diketuai oleh Tuan Muhammad Zaki bin Yusoff, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan serta 6 anggota Jabatan Imigresen Selangor telah memeriksa 32 premis perniagaan di sekitar

kawasan tersebut dan hasil pemeriksaan yang dilakukan, pihak MBSJ telah mengeluarkan 7 Notis Tawaran Kompaun (NTK) di atas pelbagai kesalahan.

Di antara kesalahan yang dilakukan antaranya menjalankan perniagaan tanpa lesen serta meletakkan barang-barang yang berhubung dengan trednya di tempat awam.

Bagi tindakan di bawah klausa Jabatan Imigresen, seramai 13 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang terdiri dari 4

lelaki dan 9 perempuan telah ditahan di lokasi kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengeluarkan sejumlah 26 Notis Tawaran Kompaun (NTK) serta 4 tindakan penutupan kedai terhadap premis perniagaan yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam operasi bersepadu bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sekitar Pangsapuri Angsana, USJ 1, Subang Jaya pada 26 April 2022.

Seramai 39 pegawai MBSJ serta 11 anggota penguatkuasa KPDNHEP terlibat di dalam operasi tersebut yang dilaksanakan susulan dari aduan awam mengenai premis perniagaan yang disyaki dikendalikan oleh warga asing.

Di dalam operasi tersebut, lima premis telah dikenakan kompaun



MBSJ LAKSANA OPERASI BERSEPADU BERSAMA KPDNHEP

kerana gagal diselenggara dengan baik, melanggar syarat lesen perniagaan (13), mempamerkan iklan tanpa lesen yang sah dari MBSJ (3), premis tidak mematuhi syarat lesen (1) dan meletakkan barang jualan di tempat awam (4).

Selain itu, KPDNHEP turut mengeluarkan kompaun serta-merta bernilai RM300.00 terhadap seorang pemilik kedai runcit kerana gagal menggunakan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal iaitu telur ayam gred A, B, C mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut meluangkan masa bagi meninjau pelaksanaan operasi tersebut di tapak.

KEGAGALAN BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) MEMBAWA PADAH

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menjadi Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang berjaya mendapatkan sabitan terhadap Ahli Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) di atas kegagalan mereka mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).

Pada 20 Mei 2022 yang lalu, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,000.00 seorang terhadap 8 individu yang didapati bersalah yang berjumlah keseluruhan RM14,000.00.

Sehubungan dengan itu, MBSJ menyeru kepada semua Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan

Perbadanan Pengurusan (MC) yang masih belum mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), hendaklah melaksanakan kewajipan statutori tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan Mahkamah.

Sebagai makluman, Mesyuarat Agung Tahunan amat penting untuk diadakan memandangkan ianya merupakan medium utama kepada semua pemilik pembangunan berstrata untuk berbincang dan membuat ketetapan serta resolusi bagi memastikan aspek pengurusan

dan penyenggaraan bangunan strata dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan

serta dapat membantu mereka untuk menyelesaikan isu-isu pengurusan yang berbangkit.



MBSJ DAN PDRM SERBU PUSAT HIBURAN

MBJS menjalankan Operasi Pusat Siber dan Pusat Hiburan Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 27 April 2022. Operasi bermula pada jam 10.00 malam ini telah dijalankan dengan kekuatan seramai 29 anggota yang terdiri daripada 2 orang pegawai dan 27 penguatkuasa MBSJ. Hasil daripada risikan dan siasatan yang telah dilaksanakan sebelum ini, operasi tersebut menasaskan serbuan di 8 lokasi iaitu 4 premis pusat siber di Taman Putra Permai, Seri Kembangan dan 4 premis pusat hiburan di Bandar Puchong Jaya.

Melalui pemeriksaan terhadap pusat siber sebanyak 2 premis didapati menjalankan aktiviti pusat siber dengan tidak mempunyai lesen sah daripada MBSJ. Sehubungan dengan itu, 2 Notis Tawaran Kompaun (NTK) di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBSJ) 2007 dan Undang-Undang Kecil Iklan (MBSJ) 2007 telah dikeluarkan serta tindakan sitaan peralatan pusat siber dan penutupan premis serta merta telah dikenakan terhadap kedua-dua premis tersebut.

Seterusnya, MBSJ turut menjalankan operasi di 3 premis pusat hiburan dan 1 premis pusat snuker bersama 28 anggota PDRM yang diketuai oleh Asisten Komisioner Polis (ACP) AA Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang. Pemeriksaan mendapati kesemua premis pusat hiburan dan pusat snuker ini tidak mempunyai lesen hiburan yang

sah dari MBSJ. Justeru, MBSJ telah mengeluarkan sebanyak 4 Notis Tawaran Kompaun (NTK) atas kesalahan di bawah Seksyen 6(2) Enakmen hiburan dan tempat tempat hiburan Selangor 1995 iaitu mengadakan aktiviti hiburan tanpa lesen. MBSJ turut menyita peralatan di kesemua pusat hiburan yang diperiksa dan mengenakan tindakan penutupan premis (seal) terhadap pusat snuker.

Manakala PDRM dalam serbuan ini, telah menyita 1 set audio sistem dan merampas minuman keras pelbagai jenama kerana menjalankan aktiviti penjualan minuman keras tanpa lesen.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke masa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau premis hiburan yang didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.



DATUK BANDAR PERKENAL LAMAN WOODBALL KEPADA KOMUNITI

K arah melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera, MBSJ telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Laman Woodball Datuk Bandar MBSJ di Padang Awam USJ 11/5, Subang Jaya.

Majlis memperkenalkan laman Woodball ini telah diadakan pada 14 Jun 2022 yang lalu dan ianya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ. Turut serta Y.Brs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBSJ.

Dalam usaha penyediaan kemudahan sukan ini, MBSJ telah melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian taman seperti pemotongan akar dan penebangan tunggul pokok, pembersihan struktur batu gabion dan penambakan kawasan berlubang serta permukaan tidak rata bagi kelancaran 12 laluan (course) laman Woodball ini.

Sebagai makluman, Laman Woodball USJ 11/5, Subang Jaya ini merupakan lokasi kedua selepas Laman Woodball Taman Wawasan MBSJ.



Laman Woodball pertama MBSJ ialah Laman Woodball Wawasan berkeluasan 20 ekar dengan 24 laluan (course) bertaraf antarabangsa yang juga merupakan Laman Woodball terbesar di Negeri Selangor.

ini dapat memberi manfaat dan mewujudkan semangat kesukanan di kalangan masyarakat khususnya warga Subang Jaya sekaligus mencapai sasaran ke arah Pembangunan Bandaraya Mampaan dan Madani.

Adalah diharapkan dengan penyediaan kemudahan aktiviti



MBSJ AMBIL TINDAKAN TEGAS TANGANI PELANGGARAN UNDANG-UNDANG

MBSJ kekal komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran undang-undang di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Majlis dalam usaha untuk mencapai bandar raya yang mampan dan bestari serta membangunkan masyarakat yang madani.

Daripada bulan Januari sehingga kini, Majlis telah berjaya merekodkan 16 sabitan yang melibatkan pelanggaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 dengan nilai hukuman denda sebanyak RM 79,000.00.

Kesemua pesalah yang terdiri daripada pemaju dan pemilik tanah telah didakwa di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang membawa hukuman denda maksima sebanyak RM 100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau keduanya.

Pecahan statistik kes-kes yang telah didakwa adalah seperti yang berikut:

BIL.	JENIS AKTIVITI	JUMLAH KES	DENDA (RM)
1.	Kilang memproses besi di atas lot kediaman	5	15,000.00
2.	Peletakkan kenderaan berat dan barang-barang di kawasan perumahan	5	13,000.00
3.	Pusat penjagaan ibu dan bayi selepas bersalin tanpa kebenaran	2	16,000.00
4.	Pusat penternakan haiwan di atas kawasan kediaman	3	29,000.00
5.	Kilang menjual perabot di atas lot kediaman	1	6,000.00
JUMLAH KES		16	79,000.00

Pihak majlis memandang serius aktiviti-aktiviti perancangan tanpa kebenaran, khususnya kilang-kilang tidak berlesen yang didirikan di kawasan kediaman di atas faktor kacau ganggu kepada masyarakat setempat. Aktiviti kilang tidak berlesen yang tidak terkawal ini telah menyebabkan isu-isu pencemaran yang bukan sahaja memudaratkan alam sekitar tetapi juga menggugat keselamatan dan kesihatan penduduk sekitar.

Sehubungan dengan itu, Majlis menggesa agar semua pemaju dan pemilik tanah yang menjalankan kilang-kilang haram mematuhi peruntukan undang-undang dan prosedur yang telah ditetapkan dan menghentikan aktiviti-aktiviti yang terlarang tersebut. Pihak Majlis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan Mahkamah ke atas mana-mana pemaju yang masih gagal patuh kepada undang-undang. Majlis sentiasa menitikberatkan kesejahteraan penduduk di kawasan MBSJ dan orang ramai digesa untuk membuat laporan terhadap mana-mana aktiviti haram yang dijalankan di kawasan Majlis.



MISI BANTUAN PEMBERSIHAN PASCA BANJIR HULU SELANGOR

Pada 19 Mei 2022 yang lalu, MBSJ telah mengatur gerakan satu Misi Bantuan Pembersihan Pasca Banjir Hulu Selangor.

Seramai 42 anggota dan 3 pegawai yang terdiri daripada pasukan PANTAS MBSJ, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar telah ke Kerling, Hulu Selangor susulan permohonan bantuan

daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor lanjutan banjir yang berlaku di kawasan tersebut pada 16 Mei 2022 (Isnin) yang lalu.

Misi ini telah melibatkan kerja-kerja pembersihan, pelupusan perabot dan perkakasan yang rosak di sekitar kawasan Zon 2, Kampung Jawa Kerling yang melibatkan 19 buah kediaman dan sebuah surau. Diharapkan



misi ini dapat mengurangkan beban mereka yang terkesan akibat bencana luar jangka ini.



WORLD
URBAN
FORUM
ELEVENTH SESSION

KATOWICE, POLAND | 26-30 JUNE 2022

WORLD URBAN FORUM (WUF) 11,

DI KATOWICE, POLAND 26 HINGGA 30 JUN 2022

WUF adalah merupakan forum antarabangsa bersifat teknikal yang dianjurkan oleh United Nation (UN) Habitat, di bandar yang berbeza setiap dua (2) tahun. Forum ini adalah merupakan salah satu platform yang baik sebagai pendedahan dalam merancang sesuatu pembangunan ekonomi serta mengimbangi pembangunan fizikal supaya persekitaran kehidupan sentiasa berada di tahap mampan dan berdaya huni. Tema WUF11 pada kali ini adalah **"Transforming our City for a Better Urban Future"**, memberikan gambaran yang jelas tentang masa depan bandar berdasarkan hala tuju, cabaran dan peluang sedia ada, juga mencadangkan supaya bandar lebih bersedia untuk menangani pandemik pada masa depan.



Beliau bersama-sama delegasi antarabangsa yang lain telah berkongsi kepakaran dan pengalaman yang memfokuskan kepada Agenda Peringkat Tempatan sekaligus mewakili Selangor & Malaysia di forum peringkat dunia.

Pada tahun 2022 penganjuran WUF11 telah diadakan di Katowice, Poland. MBSJ telah dihadiri oleh Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ. Datuk Bandar MBSJ adalah merupakan salah seorang panel jemputan dalam forum tersebut dan terlibat dalam 3 sesi pembentangan seperti berikut:

1. *Networking Event Forum: Scroll of Honor Champions and Future Ambitions.*
2. *SDG in action: How to unlock the potentials of Asean cities to advance localisation of the SDGs 2030 Agenda?*
3. *Special Session: Localizing The SDGs Transformative partnerships to accelerate achievement of the Global Goals at the local level.*


World Urban Forum (WUF11) di Katowice, Poland telah menyaksikan penyertaan penuh inklusif para pemimpin kerajaan di pelbagai lapisan, ahli akademik, pakar perbandaran, NGO dan turut disertai menteri dan pemimpin tertinggi kerajaan dari 24 buah negara di seluruh dunia. Semua pihak perlu bergandingan antara satu sama lain bagi mencari jalan penyelesaian isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di bandar.



Transforming our cities for a better urban future

EDISI 02 - 2022
APRIL | MEI | JUN

23





Dengan Kerjasama :



PERTANDINGAN MAKANAN



SETIAP HARI AHAD
(MINGGU PERTAMA)

7.00 Pagi - 11.00 Pagi

Persiaran Kemajuan Subang & SS 16/1
(Di hadapan Subang Parade & AEON Big)



**JOM KITAR
MBSJ @ USJ7**

Jom datang beramai-ramai

DATARAN JOM KITAR MBSJ
BAZAR USJ 7, SUBANG JAYA

SETIAP HARI SABTU | 8.30 PAGI - 1.00 PETANG

[Majlis Bandaraya Subang Jaya](#) [sjcitycouncil](#) [www.mbsj.gov.my](#)



Hantar barang kitar semula dan dapatkan pelbagai **hadiah tukaran menarik** seperti:

- Anak Pokok
- Air Kotak
- Cenderamata dan Banyak Lagi!

Selepas hantar barangan kitar semula, anda boleh mencabar diri dengan bermain permainan **DAM ULAR GERGASI**.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
03 - 8026 3180 / 03 - 8026 4420
Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.